

NO. SOALAN: 32

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta PERDANA MENTERI menyatakan merujuk kepada jawapan Dewan Rakyat No. 61 pada 12 Jun 2014, jangan bagi ulasan lagi tetapi senaraikan secara terperinci jumlah kes pemintasan e-mel, telekomunikasi dan pos dalam pecahan ahli politik, suspek jenayah dan orang awam pada 1998 hingga 2014.

JAWAPAN: **PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan rekod sehingga kini, pintasan hanya dibuat kepada talian komunikasi dan tiada pintasan dibuat kepada e-mel atau pos.
2. Daripada statistik pintasan talian komunikasi juga, tiada pintasan komunikasi yang melibatkan mana-mana ahli politik atau orang awam.

Sekian, terima kasih.